



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/5 JLD. 2 (4)
Tarikh : 02 Ogos 2023
Bersamaan : 15 Muharram 1445H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2023

KELONGGARAN KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERJA DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kelonggaran kaedah pelaksanaan perolehan kerja di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kelonggaran kaedah pelaksanaan perolehan kerja adalah selaras dengan surat edaran Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 16 Jun 2023 di mana bersetuju memberikan kelonggaran dalam urusan perolehan kerja di bawah Arahan Perbendaharan (AP) 182 supaya pelaksanaan projek dapat dipercepatkan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara.



- 2.2 Kelonggaran kaedah pelaksanaan perolehan kerja di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kali Ke-67 Bil. 3 Tahun 2023 pada 18 Julai 2023; dan
 - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-62 (Bil. 3 Tahun 2023) pada 30 Julai 2023.

3. KELONGGARAN KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERJA DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

Kelonggaran kaedah pelaksanaan perolehan kerja di UMT adalah seperti berikut:

- a. Kebenaran mepakejkan perolehan tahunan dengan syarat:
 - i. dipakejkan kepada pakej yang lebih kecil bagi melaksanakan perolehan secara sebut harga atau undian berbanding tender;
 - ii. perolehan yang perlu dilaksanakan secara tender atau sebut harga TIDAK dibenarkan untuk mepakejkan kepada pembelian terus atau lantikan terus; dan
 - iii. kaedah perolehan bagi baki pakej yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 31 Disember 2024 perlu dilaksanakan mengikut had nilai perolehan sedia ada yang berkuat kuasa.

4. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa pemakaiannya bermula 1 Ogos 2023 sehingga 31 Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail